

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
BAHAGIAN PERKASTAMAN
KARUNG BERKUNCI 780
80990 JOHOR BAHRU

(Telefon : 07- 218 1666
Faksimili : 07- 223 3395
Laman Web : www.kastamjh.gov.my



DIKTIRAF MS ISO 9001:2008
Pengurusan Khidmat Sokongan Koperat Bagi Pelepasan
Barangan Import/Eksport Dari Kawalan Kastam Dan Gudang
Berlesen Melalui Mode Darat, Perkhidmatan Kawalan Ke Atas
Kemudahan Perindustrian Dan Perkhidmatan Kawalan Ke Atas
Pelupusan Kenderaan Lucuthak Kastam

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami : KE.JB(05) 413/02(22)
Tarikh : 19 Disember 2013

Johor Freight Forwarders Association (JOFFA)
Wisma JOFFA
71, Jalan Jaya Mas 1
Taman Jaya Mas
81300 Skudai
Johor

Johor Port Shipping and Forwarding Association (JPSFA)
19A, Jalan Rosmerah 2/5
Taman Johor Jaya
81100 Johor Bahru
Johor

Persatuan Pengusaha Lori Johor
No. 57, 3rd Floor, Jalan Susur Larkin Perdana 1
Taman Larkin Perdana
80350 Johor Bahru
Johor

Tuan

**PENUBUHAN CAWANGAN CUSTOMS BORDER MANAGEMENT (CBM) DI
JKDM, JOHOR BANGUNAN SULTAN ISKANDAR, JOHOR BAHRU DAN
KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR, GELANG PATAH**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa satu cawangan baru iaitu Cawangan *Customs Border Management* (CBM) telah ditubuhkan di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah yang berkuatkuasai mulai **1 Januari 2014**. Tujuan penubuhan Cawangan CBM di atas adalah untuk memantapkan lagi kawalan kastam serta mengatasi kes-kes penyeludupan yang berlaku di BSI dan KSAB.

3. Berikutan dengan penubuhan Cawangan CBM, Cawangan Import dan Cawangan Eksport di BSI dan KSAB akan dicantumkan dibawah satu Cawangan yang baru iaitu Cawangan Import/Eksport dan diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam I, Gred W52. Peranan dan tanggungjawab Cawangan

Import/Eksport masih kekal iaitu memproses serta memberi pelepasan kastam kepada semua borang ikrar berkaitan import/eksport. Manakala tanggungjawab kawalan fizikal seperti pengimbasan, pemeriksaan fizikal dan kawalan pintu keluar/masuk akan diserahkan kepada Cawangan CBM yang diketuai oleh seorang Penolong Kanan Pengarah Kastam I, Gred W52.


4. Pelaksanaan struktur baru ini dijangka tidak akan menjejaskan urusan import/eksport di BSI dan KSAB. Namun demikian sekiranya berlaku apa-apa kelewatan, pihak tuan adalah digalakan untuk memaklumkan pejabat ini dengan serta merta supaya tindakan pembedahan atau penambahbaikan boleh diambil.

5. Bersama-sama ini disertakan struktur organisasi yang baru untuk makluman pihak taun. Kerjasama tuan untuk memberi maklumbalas amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(**YEW CHIN HEONG**)
Bahagian Perkastaman
b.p Pengarah Kastam Negeri
Johor

s.k Pengarah Kastam Negeri

Rajah 1: Carta Induk Organisasi Cawangan CBM

